

# Bekas Ketua Perangkawan meninggal dunia

**SHAH ALAM** - Bekas Ketua Perangkawan, Datuk Ramesh Chander meninggal dunia pada Selasa, jam 2.50 pagi waktu tempatan ketika berusia 88 tahun.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin berkata, mendiang merupakan rakyat Malaysia pertama yang menyandang gelaran sebagai ketua di Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) selepas kemerdekaan bermula 1 Januari 1966 hingga 31 Disember 1977.

"Sepanjang 11 tahun menerajui jabatan itu, mendiang berjaya membangunkan sistem perangkaan yang masih digunakan sehingga kini.

"Antara jasa mendiang ialah mempelopori penggunaan tinjauan isi rumah bersepadu untuk pe-



RAMESH

ngumpulan maklumat bagi menganalisis kemiskinan dan penyusunan petunjuk sosioekonomi," katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.

Tambah beliau, mendiang juga merupakan Pesuruhjaya Banci pertama dan telah melaksanakan Banci Penduduk dan Perumahan selepas merdeka pada 1970.

Ujarnya, mendiang juga turut terbabit dalam membangunkan rangka kerja untuk pemantauan sasaran dan matlamat Dasar Ekonomi Baru (DEB).

Mohd Uzir mewakili seluruh kakitangan DOSM menzahirkan ucapan takziah kepada seluruh ahli keluarga mendiang dan mendoakan mereka supaya terus tabah dan bersabar dengan kehilangan tersebut.